

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS PENUTUPAN RASMI PERLAWANAN BADMINTON PIALA PUSINGAN
PERDANA 1995
Lokasi : DEWAN MAJLIS BANDARAN SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN
Tarikh : 24-09-1995

1. Marilah kita bersama-sama bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan izin-Nya dapat kita melangsungkan Pertandingan Badminton Piala Pusingan Perdana 1995 pada petang ini dalam keadaan selamat dan sempurna.

2. Kita berterima kasih juga kerana kehadiran Paduka Sri Pemangku Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tunku Laxamana Naquiyuddin dan Tunku Dato' Seri Nurulhayati serta dif-dif kenamaan negeri yang tentu sekali menyeri dan memeriahkan lagi majlis ini.

3. Pertandingan Badminton antara isteri pemimpin- pemimpin negara dan negeri-negeri anjuran BAKTI telah dimulakan pada tahun 1985. Atas kepercayaan bahawa kemesraan melalui kesukanan boleh menjalinkan persahabatan, persaudaraan dan perpaduan antara satu sama lain, maka isteri pemimpin-pemimpin negara dan negeri-negeri telah dijemput melalui Badan-badan Amal dan Tenaga Isteri mereka menubuhkan pasukan badminton masing-masing.

4. Pada mulanya banyak kesulitan, rintangan dan halangan berlaku seperti tidak ada siapa hendak mainlah, tak tahu pegang raketlah, tiada tempat hendak bermainlah dan 1001 macam alasan yang timbul seperti kata pepatah Melayu, kalau tidak mahu seribu dalih, kalau mahu seribu daya.

5. Namun, kerana semangat sukan itu kuat dan tujuan mengadakan pasukan itu murni, pasukan badminton isteri-isteri telah berjaya juga ditubuhkan. Peraturan-peraturan bermain digariskan bersama-sama dan untuk menguji kebolehan pasukan- pasukan, badan-badan amal telah disyorkan mengadakan Pertandingan Persahabatan Badminton setiap tahun. Insentifnya ialah sebuah Piala Pusingan yang disumbangkan oleh Penaja BAKTI sendiri, iaitu Yang Amat Berbahagia Toh Puan (sekarang Tun) Suhailah Hussein.

6. Sejak itu, badan-badan amal ini tidak menoleh ke belakang lagi malahan terus mara ke hadapan dengan memperbaiki pasukan masing-masing dan bermain dengan lebih serius lagi.

7. Piala Pusingan Toh Puan Suhaila telah pun tamat usianya selepas 5 tahun dengan BAKTI memenangnya.

Piala Pusingan Perdana, sumbangan Perdana Menteri sendiri tamat tahun ini. Pada tahun hadapan akan muncul Piala Pusingan Perdana II yang tidak terhad usianya. Ia akan disumbangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir yang bersetuju supaya ia dinamakan Piala Pusingan Perdana II.

8. Pertandingan kini berusia 10 tahun dan sejak dahulu disertai oleh 13 pasukan negeri. Majlis badminton berharap pada satu hari nanti, 14 pasukan negeri akan menyertai pertandingan. Kini, Kelantan tidak bersama dengan kita semacamlah dahulu di mana Sabah terkeluar dari Barisan Nasional selama 4 tahun.

9. Pemain-pemain badminton diketuai oleh Presiden/Pengerusi Badan-badan Amal sendiri dan wajib bermain sama, kecuali sebab-sebab yang disahkan oleh doktor sahaja. Untuk makluman dif-dif kehormat, pemain-pemain bukan sahaja wajib terdiri daripada isteri pertama pemimpin-pemimpin tetapi mesti berusia lebih daripada 35 tahun. Oleh itu, para hadirin telah pun melihat pemain-pemain antara 35 dan 60 tahun bermain badminton pada empat hari ini dan menunjukkan bakat dan semangat mereka bermain dengan jayanya.

10. Semangat pertandingan persahabatan dengan perlahan-lahan telah berganti dengan pertandingan yang lebih serius. Mutu permainan telah bertambah baik. Peserta-peserta telah berlatih dengan bersungguh-sungguh di negeri masing-masing dan mengatur pertandingan mengikut zon utara dan zon

tengah. Diharapkan zon timur dan selatan juga akan wujud kelak untuk ujian pemain-pemain di Terengganu, Pahang, Johor, Sarawak dan Sabah.

11. Sejak pertandingan ini bermula pada 21 September 1995, bermacam-macam ragam dan sandiwara berlaku siang dan malam. Di gelanggang, peserta- peserta menjadi isteri yang gagah perkasa, serius dan bermati-matian mempertahankan kedudukan masing- masing. Ini adalah semangat yang sihat kerana ia menunjukkan bahawa peserta faham apa erti pertandingan dan semangat kesukanan.

12. Di sebelah malam pula, lain ceritanya. Sang isteri yang gagah perkara, garang dan hebat bertukar kepada sang isteri yang lebih lembut gemalai, cantik ayu, pelawak, bersuara merdu dan tidak merdu.

Serbanika gaya dan aneka ragam ditunjukkan untuk menghiburkan rakan-rakan pemain dalam persembahan masing-masing. Ini menjadi tradisi dalam majlis pertandingan dan di sinilah wujudnya persahabatan dan silaturahim. Imbangan semangat kesukanan dan semangat kemesraan wujud setiap tahun.

13. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Pasukan, Johan Piala Pusingan Perdana 1995. Tentu sekali, pasukan yang kuat dan cergas, pandai mengatur strategi dan bersikap positif akan menang. Pasukantelah menunjukkan kebolehnya dengan jelas. Syabas!.

14. Saya juga mengucapkan tahniah kepada Naib Johan Pasukan kerana dengan gigih telah cuba mempertahankan diri tetapi apakan daya gagal juga akhirnya. Ini tidak mengapa kerana peluang-peluang masih ada di tahun hadapan.

15. Begitu juga pada semua pasukan yang menyertai pertandingan. Kehadiran saudari-saudari dari semua pelusuk negara membuktikan tujuan kita yang mulia: jika menang, itu rezeki kita; jika kalah, kita akan cuba lagi dan balik dengan azam untuk terus bermain di gelanggang-gelanggang negeri.

16. Perjumpaan 13 pasukan isteri-isteri di Negeri Sembilan Darul Khusus, tidak akan tiba ke kemuncak cemerlang ini tanpa usaha gigih tuan rumah Pertandingan ini, y.i. PEKERTI dengan Yang Di- Pertuanya, Yang Amat Berbahagia Puan Sri Hajjah Hazizah. Bagi pihak semua ketua pasukan dan pemain- pemain, saya mengucapkan syabas dan tahniah serta setinggi-tinggi terima kasih kepada beliau kerana sambutan, layanan dan persiapan yang lengkap bagi menjayakan pertandingan ini. Yang Amat Berbahagia Puan Sri Hajjah Hazizah dan ahli-ahli PEKERTI telah menjalankan tugas-tugas mereka dengan efisien untuk kami berasa senang dan selesa. Terima kasih.

17. Saya juga ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada: a) Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan dan Kerajaan Negeri atas kerjasama dan segala bantuan dalam Pertandingan ini. Bankuet negeri yang telah diaturkan bagi peserta- peserta menjadi satu-satunya kenangan manis bagi kami; b) Pegawai-pegawai Kerajaan dan Pegawai- pegawai Sukan yang menguruskan tempat dan peraturan-peraturan bermain di gelanggang - 'the umpires, linesmen, medical team, transportation team', pegawai-pegawai protokol dan lain-lain; dan c) Ketua-ketua Pasukan, Jurulatih-jurulatih, pemain-pemain dan penyokong-penyokong, kehadiran puan-puan dan tuan-tuan adalah asas pertandingan ini. Saya ucapkan syabas dan terima kasih kerana bersemangat kesukanan dan saya harap semangat ini akan diteruskan dengan lebih lagi demi mencapai kemajuan dan kejayaan.

18. Pertandingan Badminton Badan-badan Amal Isteri- isteri akan diadakan pada tahun 1996 di Negeri dengan (Badan Amal) menawarkan diri sebagai tuan rumah. Saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berbahagia Yang Di-Pertua dan Ketua Pasukan yang sudi menawarkan diri.

19. Bagi pihak semua pasukan yang hadir, diucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Pemangku Yang Di- Pertuan Besar Negeri Sembilan kerana memberi kehormatan kepada majlis ini dengan kesudian Tuanku menyampaikan piala-piala kepada pemenang-pemenang.

20. Selepas ini kita akan bersurai pulang ke negeri masing-masing. Saya ucapkan selamat pulang

kepada saudari-saudari dan semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala memberkati perjumpaan kita ini dengan tali persaudaraan yang lebih erat lagi.

21. Selamat pulang dan insya-Allah kita berjumpa lagi.